MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU
06000 Jitra, Kedah Darul Aman
Tel : 9183300 / 9183317

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam Kod Bidang seperti yang dibawah bagi menyertai sebutharga berikut :

NOMBOR DAN TAJUK SEBUTHARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH DOKUMEN DIKELUARKAN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA	BAYARAN
Sebut Harga Perkhidmatan Pembersihan Bangunan Pejabat Majlis Perbandaran Kubang Pasu Bagi Tempoh 2 Tahun (01 Januari 2027 hingga 31 Disember 2028) **MPKP/SH(BP)/3/2026**	Kementerian Kewangan **221001**	Dijual mulai **15.11.2026** Sehingga **22.11.2026**	**23.11.2026 (Isnin) Jam : 12.00 Tengah Hari**	Pendaftaran Pembekal : **RM 200.00** Dokumen : **RM30.00**
Sebut Harga Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pembersihan Kawasan Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu Untuk MP Kubang Pasu Bagi Tempoh Dua Belas (12) Bulan **MPKP/SH(BP)/4/2026**	Kementerian Kewangan **221002**			

2. Pendaftaran pembekal boleh dibuat melalui portal Majlis Perbandaran Kubang Pasu.

3. Dokumen sebut harga akan dijual dalam bentuk soft copy (e-mel). Sila isi borang permohonan pembelian dokumen Sebut Harga di pautan yang disediakan. Resit pembelian dokumen sebut harga dan pendaftaran pembekal akan dikeluarkan untuk tujuan pembayaran. Waktu urusan permohonan serta pertanyaan mengenai sebut harga seperti berikut :

AHAD – RABU : 8.30 Pagi – 4.00 Petang
KHAMIS : 8.30 Pagi – 3.00 Petang

4. Penyebut harga perlu melampirkan bukti pembayaran ke emel perolehanmpkubangpasu@gmail.com.

5. Dokumen sebut harga akan diberikan melalui emel setelah bukti pembayaran diterima. **Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan dibukukan / didokumentasikan bersama dokumen sokongan yang diwajibkan**.

6. Dokumen Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat yang berlakri / bermeteri. Tajuk dan Nombor Sebut Harga hendaklah di nyatakan di muka hadapan sampul surat tersebut dengan terang dan jelas dan di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN** dan dimasukkan terus ke dalam peti tawaran berkenaan di **MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU** sebelum atau pada **jam 12.00 tengahari bertarikh seperti tersebut di ruangan tarikh tutup sebutharga.**

7. **Jika sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan sendiri bahawa dokumen tersebut selamat dihantar ke alamat yang telah ditetapkan dan dimasukkan ke dalam peti tawaran sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga. MPKP tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.**

.....

FAIZAL AZLI BIN GHAZALI, BCK.
SETIAUSAHA
MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

Tarikh Iklan : 12 NOV 2026